

PELAJAR PSP JUARA PERTANDINGAN KUIZ PERAKAUNAN PERINGKAT KEBANGSAAN

29 November - Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada kumpulan “Bidadari Syurga” yang terdiri daripada pelajar Diploma Akauntansi (DAT 5B), Politeknik Seberang Perai iaitu Siti Farhana Binti Rosli, Nur Shazrena Binti Ab Maulod dan Nur Liyana Binti Samad kerana telah berjaya dinobatkan sebagai JUARA KUIZ PERAKAUNAN PERINGKAT DIPLOMA dalam Pertandingan Minggu Perakaunan 2021 Peringkat Kebangsaan anjuran Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA).



Mereka berjaya mengalahkan lebih 200 kumpulan pelajar diploma lain yang terdiri daripada pelajar-pelajar diploma institusi awam dan swasta seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Mereka telah memenangi wang tunai sebanyak RM 800 dan e-sijil.

